

# JOY OF READING 2024

Tadika 1 & 2



# Balang Kebajikan



Kita boleh membuat perbezaan melalui pelbagai perbuatan baik. Melalui ‘Balang Kebajikan’, kanak-kanak akan belajar bahawa sikap membantu dapat membawa kesan positif dalam kehidupan orang di sekeliling mereka.

## Apa yang diperlukan:

- Balang mason atau bekas kecil
- Kertas kecil
- Pena penanda, pena, atau pensel

## Apa yang dipelajari:


- Mengenal pasti tindakan kecil yang boleh memberi kesan positif kepada orang lain.
- Mengenal kepentingan bertanggungjawab untuk membina masyarakat yang prihatin.

## Apa yang boleh dilakukan bersama anak anda:

1. Fikirkan tindakan baik yang boleh dilakukan di rumah, sekolah, atau dalam komuniti.
2. Tulis setiap idea pada sekeping kertas.
3. Lipat kertas tersebut dan masukkan ke dalam Balang Kebajikan.
4. Galak anak anda untuk mengambil sekeping kertas dari balang secara kerap dan melaksanakan tindakan baik yang tertulis.

## Tip untuk ibu bapa:

Kanak-kanak belajar melalui contoh! Anda boleh menunjukkan sikap baik hati dan empati melalui tindakan anda. Terangkan kepada anak anda kepentingan membantu orang lain.




# Kad Penghargaan



Beri galakan kepada kanak-kanak untuk menunjukkan penghargaan terhadap sumbangan masyarakat. Dengan membimbing mereka untuk mengucapkan terima kasih, kanak-kanak belajar menghargai kerja keras orang lain dan memupuk rasa hormat serta memperkuuh hubungan dengan masyarakat.

## Apa yang diperlukan:

- Kad kecil/kertas
- Pensel
- Pensel warna



## Apa yang boleh dilakukan bersama anak anda:

1. Bincang tentang pekerja khidmat penting dan tugas mereka.
2. Kongsi kepentingan tugas mereka.
3. Ajukan soalan tentang manfaat pekerjaan mereka terhadap orang lain.
4. Terangkan maksud ‘Penghargaan’ dan cara menghargai kerja keras.
5. Bimbing anak anda untuk membuat Kad Penghargaan.
6. Galak anak anda untuk memberi kad tersebut kepada pekerja khidmat penting.
7. Jemput anak anda untuk berkongsi perasaannya ketika menyiapkan kad.

## Apa yang dipelajari:

- Mengenal pasti tindakan kecil yang boleh memberi kesan positif kepada orang lain.
- Mengenal kepentingan rasa terima kasih untuk membina masyarakat yang prihatin.



## Tip untuk ibu bapa:

Kanak-kanak belajar melalui contoh! Anda boleh menunjukkan sikap baik hati dan empati melalui tindakan anda. Bincang bersama anak anda kepentingan menunjukkan penghargaan kepada orang lain.

